



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO
TARIKH	:	01.11.22
JABATAN	:	MUKA SURAT : 16 SURUHANJAYA TENAGA



Kerajaan galak korporat guna tenaga elektrik hijau

Putrajaya: Kerajaan memperkenalkan Program Tenaga Hijau Korporat (CGPP) bagi membolehkan syarikat korporat di negara ini menggunakan tenaga elektrik hijau melalui pemasangan sistem solar fotovoltaik (PV).

Menyatakan bahawa kerajaan memperkenalkan program itu menggalakkan syarikat korporat beroberas di Malaysia mencapai komitmen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). "Ini juga berupaya menggalakkan syarikat sedia ada serta menarik syarikat antarabangsa lain melabur di Malaysia," katanya ketika

Hassan berkata, melalui CGPP, program itu menggunakan mekanisme Perjanjian Pembelian Tenaga Maya atau *Virtual Power Purchase Agreement* (VPPA) dengan jumlah kuota sebanyak 600MW.

"Program ini membolehkan syarikat korporat beroberas di Malaysia mencapai komitmen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). "Ini juga berupaya menggalakkan syarikat sedia ada serta menarik syarikat antarabangsa lain melabur di Malaysia," katanya ketika

mengumumkan program itu di sini, semalam.

Sebelum ini, syarikat di Malaysia boleh memenuhi komitmen penggunaan elektrik hijau melalui Program *Net Energy Metering* (NEM) dan *Self Consumption* (SelCo).

Syarikat juga boleh membeli sijil Tenaga Boleh Baharu (TBB) atau membuat langganan Tarif Elektrik Hijau (GET).

Takiyuddin berkata, program CGPP, syarikat korporat layak boleh memeterai Perjanjian Tenaga Hijau Korpo-

rat (PTHK) dengan penjanaan tenaga solar bagi penjualan dan pembelian Tenaga Boleh Baharu (TBB) secara maya dengan terma dan syarat disersetujui bersama.

PTHK ialah suatu ikatan perjanjian perlindungan harga kewangan diwihala yang memperincikan struktur penetapan harga yang disersetujui antara pihak syarikat korporat dengan penjanaan tenaga solar berdasarkan nilai atau faedah kewangan tersedia melalui pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) diper-

oleh daripada penjanaan tenaga solar.

"Pemeterian ikatan kontrak perlindungan harga kewangan antara syarikat korporat dengan penjanaan tenaga solar akan membolehkan pihak penjanaan menyertai pasaran elektrik yang dikendalikan oleh *Single Buyer* melalui mekanisme *New Enhanced Dispatch Arrangement* (NEDA)," katanya.

Beliau berkata, melalui perjanjian ini mengurangkan risiko ditanggung oleh penjanaan tenaga solar ekoran turun naik harga elektrik.

“
Program CGPP
bagi bolehkan
syarikat korporat
di Malaysia capai
komitmen ESG
Toksyuddin Hassan

HM011122_16

